

**MINIT MESYUARAT**  
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.1/2021**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**Tarikh** : 16 April 2021 (Jumaat)  
**Masa** : 9.30 – 11.30 pagi  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5  
**MEDAC**  
**Kehadiran** : Lampiran A

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tindakan</b>
<b>1.0</b>	<b>Perutusan Pengerusi</b>	
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.1/2021.	Makluman
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa MBJ merupakan saluran komunikasi dua (2) hala di antara Pihak Pegawai (pihak pengurusan) dengan Pihak Pekerja di Jabatan masing-masing. MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi.	Makluman
1.3	YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat penambahbaikan MBJ yang telah dilaksanakan oleh pihak JPA melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020.	Makluman
1.4	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pemerkasaan peranan Kementerian dengan memantau terus keaktifan agensi seliaan dan peratus penyelesaian isu;</li> <li>(ii) Laporan keaktifan yang dilaporkan oleh Agensi Induk (MEDAC) kepada Agensi Pusat (JPA) merupakan input untuk mengenal pasti keberkesanan pematuhan dan keberkesanan dasar MBJ</li> <li>(iii) Penambahbaikan penganjuran mesyuarat adalah sebanyak tiga (3) kali setahun dan bukannya sebanyak empat (4) kali</li> </ul>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>setahun untuk meningkatkan keberkesanan dan memberi Pihak Pegawai ruang penyelesaian isu; dan</p> <p>(iv)Memperkenalkan elemen inovasi dan produktiviti dalam bidang kuasa dan fungsi MBJ bagi menggalakkan Pihak Pekerja bersama dengan Pihak Pegawai bersama-sama berbincang peningkatan penyampaian perkhidmatan.</p>	
2.0	<b>PERUTUSAN NAIB Pengerusi</b>	
2.1	<p>YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat di atas komitmen yang diberikan bagi menjayakan mesyuarat MBJ yang pertama bagi tahun 2021.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi juga memberikan ucapan tahniah dan terima kasih kepada urus setia (pihak pegawai) kerana berjaya mengadakan mesyuarat MBJ bil.1 tahun 2021 secara <i>hybrid</i> (gabungan mesyuarat secara fizikal dan <i>online</i>) selaras dengan kelaziman baharu berikutan situasi semasa penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Dalam perkara ini, wakil Pihak Pekerja dari luar kawasan Putrajaya juga dapat menyertai mesyuarat bagi mendengar segala isu yang dibincangkan, menyuarakan pandangan dan menyampaikan hasil mesyuarat kepada rakan sepejabat.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa menerusi platform MBJ MEDAC ini, sebanyak <b>32 isu</b> telah <b>dibincangkan pada tahun 2020</b>. Daripada jumlah tersebut, sebanyak <b>23 isu telah diselesaikan</b> manakala baki sembilan (9) isu yang lain, kini telah digabungkan menjadi tujuh (7) isu kerana mempunyai perkaitan di bawah perkara/punca permasalahan yang hampir sama. <b>Isu-isu berbangkit ini akan terus disusuli bersama 10 usul baharu menerusi sesi mesyuarat kali ini.</b></p> <p>YBrs. Naib Pengerusi berharap supaya isu-isu yang berbangkit dapat diselesaikan semaksimum mungkin bagi memastikan kebajikan dan motivasi pekerja terpelihara.</p>	Makluman
3.0	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
3.1	<b>Isu Kemudahan Lot Parkir</b>	BKP/ BKEW

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kemudahan parkir ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:</p> <p><b>(i) <u>Kelayakan Tuntutan Parkir</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak BKEW telah mengeluarkan e-mel berkenaan kelayakan bagi tuntutan bayaran balik meletak kenderaan pada 14.4.2021 (Rabu). Hal ini menyebabkan ramai warga MEDAC mengalami kesulitan berkenaan perkara ini.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi telah meminta agar pihak BKP membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyemak semula Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2011 dengan memberikan kelonggaran kepada penjawat awam yang mengalami masalah parkir di kawasan kompleks.</p> <p><b>(ii) <u>Pembahagian Parkir Mengikut Kriteria Kelayakan</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak BKP akan menyusun atur semula petak parkir dengan mengambil kriteria sepatutnya. Ini termasuk penyediaan parkir kepada ibu hamil kepada warga MEDAC yang mengandung.</p> <p><b>(iii) <u>Pemantauan dan Susun Atur Parkir</u></b></p> <p>Pihak Pekerja juga memohon agar BKP membuat pemantauan agar hanya warga MEDAC sahaja dapat meletak kenderaan dalam kawasan MEDAC. Selain itu, pihak BKP diminta untuk meletakkan semula kenderaan jenis FOTON yang telah mengganggu keadaan kenderaan di kawasan <i>Loading Bay</i>.</p> <p>Pihak Pekerja juga meminta agar pihak BKP dapat membuat perbincangan dengan Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk memastikan kenderaan projek diletakkan di kawasan yang sesuai seperti di kawasan rumput kerana kenderaan tersebut adalah jenis 4x4 yang lasak.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>	
3.2	<p><b>Kafeteria Kementerian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:</p> <p><b>i) <u>Kebersihan Kafeteria</u></b></p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Pihak BKP telah melaksanakan perjumpaan berkala dengan pihak pengusaha kafe berkenaan perkara ini. Pihak BKP akan terus memantau perkara ini dengan lebih teliti agar perkara ini tidak berterusan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara-perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p> <p><b>ii) <u>Harga Makanan</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh BKP bahawa harga makanan terutama makanan seperti ikan, ayam, udang, sotong adalah mengikut harga semasa pasaran. Ini telah menyebabkan harga makanan berkenaan sentiasa berubah-ubah.</p> <p>Pihak pekerja telah memohon agar BKP dan pihak pengusaha dapat meletakkan julat (<i>range</i>) harga secara anggaran ke atas jenis makanan tersebut agar maklumat berkenaan harga dapat diperolehi oleh pelanggan dan warga MEDAC.</p> <p><b>iii) <u>Penetapan Maklumat Kalori Pemakanan di Kafeteria</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan penetapan maklumat kalori bagi setiap makanan yang dijual. Ini dapat membantu warga MEDAC membuat pilihan dan memberikan kesedaran berkenaan kepentingan menjaga pemakanan yang seimbang dan sihat.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa perkara ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan teknologi seperti penggunaan kod QR dan sebagainya.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>	
3.3	<p><b>Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p><b>i) <u>Isu Kebersihan</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju agar perkara ini dibacakan bersama dengan perkara 3.2.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p><b>ii) <u>Penutupan Kedai Runcit</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kedai runcit di B1 telah menghentikan operasinya dan telah mengosongkan lot tersebut. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa BKP telah memaklumkan perkara ini kepada pihak Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM).</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara-perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>	
3.4	<p><b>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kebanyakan ahli jawatankuasa interim pengurusan kelab telah bertukar keluar MEDAC dan ini telah menyebabkan proses perlantikan, pendaftaran kelab dan aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC tergendala buat masa ini.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi telah meminta kerjasama SUB BKP untuk membantu dalam menyelesaikan perkara ini sehingga Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC dapat ditubuhkan dan didaftarkan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>	BKP
3.5	<p><b>Penyeragaman Memo/Minit Bebas/Surat Rasmi</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa garis panduan yang telah disediakan oleh BKP berkenaan perkara ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' KSU MEDAC. Pihak BKP dalam mesyuarat ini memaklumkan akan membuat hebahan kepada warga MEDAC.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b></p>	BKP
3.6	<p><b>Pengurusan Makan Minum Bagi Mesyuarat</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya kemudahan makan minum mesyuarat hanya akan diberikan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian; dan</li> <li>ii) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah PKK Negeri (Gred 48) yang melibatkan jemputan pihak luar (syarikat/kontraktor), di atas kapasiti sebagai ketua di</li> </ul>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>peringkat negeri.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat juga Pengarah PKK Negeri dari Gred 44 yang mempengerusikan mesyuarat melibatkan jempunan pihak luar (syarikat/kontraktor), di atas kapasiti sebagai ketua di peringkat negeri.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa BKP akan meneliti semula arahan pentadbiran MEDAC bagi menyelesaikan isu ini.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>terus disusuli</b>.</p>	
3.7	<p><b>Kemudahan Pemeriksaan Kesihatan</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa seramai 46 warga MEDAC yang berumur 40 tahun dan ke atas telah membuat permohonan bagi tujuan tersebut. Pihak BPSM telah menyerahkan permohonan kepada Pejabat Kesihatan berdekatan untuk mendapatkan maklum balas berkenaan ini.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b>.</p>	Makluman
4.0	<b>PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU</b>	
4.1	<p><b>Kebersihan di ruang kerja dan tandas</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat keperluan bagi plastik sampah juga diambil dan digantikan secara berkala, tidak hanya sekadar sampah di dalam plastik sahaja yang diambil.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya semakan dibuat terhadap kontrak pembersihan/pengurusan fasiliti oleh pihak BKP agar ianya selari dengan terma-terma yang telah dipersetujui di antara pihak MEDAC dengan syarikat pengurusan bangunan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>disusuli</b>.</p>	BKP
4.2	<p><b>Aktiviti Sukan Kementerian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya terdapat keperluan untuk mengadakan sukan bagi merapatkan hubungan di antara warga MEDAC dan Agensi.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat juga mengambil maklum agar status Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC dapat segera ditubuhkan bagi memudahkan melaksanakan program dan aktiviti tersebut.</p> <p><b>Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini terus disusuli dan dibincangkan bersama isu di para 3.4 pada mesyuarat akan datang.</b></p>	
4.3	<p><b>Ruang Kerja</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat cadangan agar suasana kerja yang lebih kondusif diwujudkan bagi memastikan warga kerja MEDAC dapat menjalankan tugas harian dengan baik.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa keadaan semasa tidak mengizinkan susun atur ruang kerja yang lebih kondusif disebabkan oleh keperluan untuk berkongsi bangunan bersama Bahagian-Bahagian daripada Kementerian yang lain (KeTSA dan KASA).</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa cadangan MEDAC untuk berpindah ke bangunan yang baharu tidak dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Negara.</p> <p>Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini hanya dapat dilaksanakan setelah Sektor Tenaga, KeTSA dan BBA, KASA berpindah keluar dari bangunan ini.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini dikira <b>selesai</b> disebabkan oleh kekangan ruang untuk penyusunan yang lebih kondusif.</p>	Makluman
4.4	<p><b>Penempatan Setiausaha Pejabat</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat penempatan Setiausaha Pejabat (SUP) ditempatkan berlainan aras dengan pegawai yang layak untuk mendapatkan khidmat SUP.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan oleh pihak BPSM bahawa hanya terdapat dua (2) SUP yang mengalami masalah tersebut. BPSM akan sentiasa berusaha untuk menempatkan SUP dalam aras yang sama agar kebajikan SUP dapat dijaga dengan baik.</p> <p>Mesyuarat <b>bersetuju supaya perkara ini selesai.</b></p>	BPSM

Bil	Perkara	Tindakan
4.5	<p><b>Kemudahan Video Conference (VC)</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju untuk menerima cadangan pihak pekerja agar kemudahan VC disediakan di Bilik 4, Bilik Bincang A3 dan Bilik Bincang TKSU (P). Keperluan ini dilihat bersesuaian dengan kelaziman baharu kerana terdapat banyak kursus, mesyuarat dan perbincangan yang dilaksanakan secara atas talian.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan oleh BKP bahawa perkara ini akan dibincangkan bersama BKEW kerana melibatkan peruntukan yang memerlukan kelulusan baharu.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKP & BKEW
4.6	<p><b>Sistem Kehadiran</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji semula penggunaan sistem iHadir yang dilihat mengalami masalah seperti ketepatan lokasi.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan oleh wakil SUB BPTM bahawa sistem iHadir telah diwujudkan melalui aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun di <i>Google Play Store</i> dan <i>App Store</i>.</p> <p>BPTM juga memaklumkan bahawa terdapat juga sistem baharu menggunakan <i>face recognition</i> yang akan dilaksanakan pada tahun ini.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa hebahan mengenai kemaskini menu/ perkembangan penggunaan sistem kehadiran secara berterusan/berkala kepada Warga MEDAC melalui <i>platform</i> bersesuaian bagi membantu proses penormalan (<i>normalization</i>)</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM & BPTM
4.7	<p><b>Kebersihan makanan di kafeteria</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat aduan berkenaan kebersihan makanan di kafeteria sehingga terdapat lipas di dalam makanan.</p>	BKP



Bil	Perkara	Tindakan
	Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini <b>disusuli bersama isu di para 3.3</b> berkenaan kebersihan cafeteria.	
4.8	<p><b>Bekalan Air Minum/ Air Mineral untuk Aras 5, Menara Usahawan (Podium)</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil (SPPK) yang ditempatkan di Aras 5, Menara Usahawan (Podium) sejak 7 bulan lalu tidak dibekalkan dengan air minum/ air mineral / <i>water dispenser</i>. Perkara ini dikhuatiri menjejaskan kesihatan (<i>dehydration</i>) dan produktiviti warga kerana sering kehausan dan terpaksa membuang masa membeli minuman di kedai berhampiran.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa bekalan air tersebut wajar dibekalkan kepada Pihak Pekerja di SPPK.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini terus <b>disusuli</b>.</p>	BKP
4.9	<p><b>Pengurusan Maklumat Peribadi Warga Kerja MEDAC.</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah memberikan akses kepada penyelaras Bahagian untuk melaksanakan tugas-tugas kemaskini data warga di Bahagian. Walau bagaimanapun, dikhuatiri terdapat kemungkinan maklumat peribadi dikongsi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan oleh wakil BPSM bahawa peranan tersebut telah diambil semula oleh BPSM. Hal ini terjadi kerana terdapat kemasukan ramai pegawai di MEDAC sehingga terdapat keperluan untuk penyelaras diberikan akses kepada sistem tersebut.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini <b>selesai</b></p>	Makluman
4.10	<p><b>Penggunaan telefon bimbit individu dan telefon pejabat</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pihak Pekerja telah membangkitkan isu telefon pejabat yang tidak mencukupi, tidak boleh menghubungi nombor telefon bimbit dan ada yang tidak mendapat akses untuk menghubungi nombor di luar Lembah Klang.</p> <p>Kebanyakan pekerja terpaksa menggunakan telefon bimbit sendiri untuk kegunaan rasmi (<i>follow up</i> kehadiran mesyuarat, mendapatkan status terkini perkara berkaitan tugas dan keperluan</p>	BKP / BKEW

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>penggunaan bagi yang BDR).</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan agar akses diberikan bagi telefon pejabat serta kebenaran untuk menuntut bayaran balik penggunaan telefon bimbit atau dapat membekal telefon bimbit kepada Bahagian secara guna sama.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak En. Masri SUB (BKP&amp;BKEW) bahawa permohonan boleh dibuat kepada BKP untuk akses telefon kepada luar kawasan Lembah Klang dan semakan semula akan dibuat berkenaan kebenaran untuk melakukan tuntutan bagi penggunaan nombor telefon bimbit.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
4.11	<p><b>Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada majlis rasmi bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019. Ini kerana keadaan semasa negara akibat penularan wabak Covid-19 telah menghadkan penganjuran Majlis rasmi dan keraian.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan agar Majlis APC 2020 yang akan diadakan pada tahun ini dibuat secara bersekali untuk penerima APC 2019. Ini kerana terdapat keperluan untuk meraikan penerima APC 2019 sebagai tanda penghargaan dan kenangan sepanjang perkhidmatan mereka.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya satu majlis ringkas dan bermakna diadakan untuk tujuan tersebut agar penerima dapat merasai suasana penghargaan dan kenangan.</p> <p>Mesyuarat <b>BERSETUJU</b> supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM
5.0	<b>PENUTUP</b>	
	<p>Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2020 ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.</p>	


**Disediakan oleh:**



Mohd Shafiq bin Bakar  
Setiausaha Bersama MBJ (Pihak Pegawai)

21 April 2021

**Disemak oleh:**



Zainal bin Bahaudin  
(Pihak Pekerja)

27 April 2021

**Diperakukan oleh:**



Mohd Faizal bin Dolah  
Naib Pengerusi MBJ MEDAC (Pekerja)

28 April 2021

**Disahkan oleh:**



Datuk Haji Zamri bin Salleh  
Pengerusi MBJ MEDAC

28 April 2021

**KEHADIRAN PIHAK PEGAWAI**

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh  
TKSU (P) - Pengerusi Ganti
2. Encik Saifuzzaman bin Manan  
SUB (PPU)
3. Puan Marlina binti Ramly  
P (PKK)
4. Encik Masri bin Jeman  
SUB (BKP)  
- Menanggung kerja jawatan SUB (KEW)
5. Puan Rohani binti Abdul Haziz  
KPSU (BPTM)
6. Puan Nor Fadila binti M Sapuan  
KPSU (BPSM)
7. Encik Rizalman bin Shahbranda  
KPSU (BPSM)
8. Encik Mohd Shafiq bin Bakar  
PPT (BPSM) - Setiausaha Pihak Pegawai

**KEHADIRAN PIHAK PEKERJA**

9. Encik Mohd Faizal bin Dolah  
KPSU (BPES) - Naib Pengerusi
10. Encik Zainal bin Bahaudin  
PSU (BDHA)
11. Puan Nurazura binti Ali  
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)

12. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat  
PSU (PKK Ibu Pejabat)
13. Puan Azhani binti Abu Bakar  
PT (PO) BA
14. Puan Siti Zaharah binti Abd Rahman  
PT (PO) BDHA
15. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak  
PT (PO) PKK HQ
16. Encik Rosman bin Mansor  
PO (BPFV)
17. Encik Shamsul Bahri bin Sinan  
PO (PKK HQ)

**KEHADIRAN PIHAK PEKERJA SECARA ATAS TALIAN**

18. Puan Eziatul Nurin binti Ahmad  
Pengarah Cawangan PKK (Selangor)
19. Puan Noor Farhan binti Mohamed Yusoff  
PPTM (BLESS)
20. Puan Noriati binti Amin  
PPT (BPES)
21. Encik Abdul Hadi bin Che Busu  
PJA PKK (Pahang)
22. Puan Norzamilah binti Che Sabri  
PPT PKK (Negeri Sembilan)
23. Encik Muhamad Hanis bin Samsuddin  
PT (PO) PKK (Kelantan)
24. Encik Mohd Roslan bin Abd Rahman  
PO PKK (Terengganu)

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- 25. Encik Mohd Nasir bin Yahaya  
PPT (PKK) Perlis
- 26. Encik Mohd Zamani bin Abdul Moris  
PPT (PKK) Sabah
- 27. Encik Muhammad Fariz bin Ahmad  
PT (PO) Melaka
- 28. Encik Abdul Rahman bin Gobil  
Pengawal Keselamatan MEDAC

**URUSETIA**

- 29. Encik Amir Izham bin Alias  
PT (BPSM)